**TM TOURS & TRAVEL SDN BHD** (KPK/LN :2074) (210699-K)

- No.3A-3 Level 4, Wisma Q Titiwangsa Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur, Malaysia. Tel: +603 4031 4171 Fax: +603 4031 4131
- Unit 49 - Level 1, Kota Bharu City Point Seksyen 11, 15350 Kota Bharu, Kelantan. Tel: 09 7444 355
- No.3, Jalan 9/2, Taman IKS, Seksyen 9, Bandar Baru Bangi 43650 Bangi, Selangor. Tel: +603 8926 3108 Fax: +603 8926 5108
- Lot 198, Ground Floor, Section 11, KTLD, Jalan Kulas, 93400, Kuching, Sarawak. Tel: 082 252500 Fax: 082 245600.

HOTLINE: +6019 3564466 / +6019 2205107 / +6019 3598088 / +6019 3314466 / +6019 2271808

GST NO. : 001027260416

Website : www.tmtours.com.my Email : info@tmtours.com.my Facebook : Tm Tours & Travel Sdn Bhd

# BORANG PENDAFTARAN PAKEJ HAJI TAHUN 2019 / 1440H

Lekatkan Gambar di sini

## A. BUTIR – BUTIR PERIBADI JEMAAH HAJI

NAMA PENUH (SEPERTI DALAM PASPORT) :

NO. KAD PENGENALAN: BARU LAMA

NO. AKAUN TABUNG HAJI : NO PASSPORT ANTARABANGSA

NO PENDAFTARAN HAJI TAHUN DAFTAR(BULAN/TAHUN)

ALAMAT SURAT-MENYURAT:

## B. BUTIR – BUTIR PENGIKUT

1. NAMA PENUH

NO. KAD PENGENALAN: BARU PERTALIAN

2. NAMA PENUH

NO. KAD PENGENALAN: BARU PERTALIAN

## C. WARIS DI MALAYSIA

NAMA PENUH

ALAMAT SURAT-MENYURAT:

NO TEL PERTALIAN

## D. PAKEJ PILIHAN : SILA TANDAKAN (X) DI PAKEJ PILIHAN

| PAKEJ KEKWA (TRANSIT) | SARAYA IMAN @ SETARAF 330M (MASUK MEKAH SELEPAS WUKUF) | | TANDAKAN (X) |
|---|---|---|---|
| TERHAD TMTT01 | 33,990 | 5 SEBILIK | |
| TMTT02 | 34,990 | 4 SEBILIK | |
| TMTT03 | 38,990 | 3 SEBILIK | |
| TMTT04 | 42,990 | 2 SEBILIK | |
| PAKEJ ORKID (TRANSIT) | SAFWAH HOTEL @ SETARAF 50M (MASUK MEKAH SELEPAS WUKUF) | | |
| TMTT09 | 48,995 | 4 SEBILIK | |
| TMTT10 | 52,995 | 3 SEBILIK | |
| TMTT11 | 57,995 | 2 SEBILIK | |

| PAKEJ TERATAI | AMJAD AL JAZEERA (230) / SARAYA IMAN (330M) @ SETARAF - | | TANDAKAN (X) |
|---|---|---|---|
| TERHAD TMTT05 | 33,995 | 5 SEBILIK | |
| TMTT06 | 35,995 | 4 SEBILIK | |
| TMTT07 | 39,995 | 3 SEBILIK | |
| TMTT08 | 43,995 | 2 SEBILIK | |

- Penginapan di setiap hotel mesti melebih 45 orang. Sekiranya kurang, pihak TMTT berhak menukarkan hotel / pakej yang dipilih bagi kemudahan pengurusan
- Bakal Jemaah yang mendaftar secara persendirian 'single', tidak boleh memilih pakej **TMTT04 & TMTT08, TMTT11** (Bilik berdua), sekiranya berlaku, pihak TMTT berhak menukarkan pakej tersebut mengikut kesesuaian dan harga yang ditawarkan
- Penerbangan carter haji atau boleh memilih penerbangan komersial kelas perniagaan / pertama dengan bayaran tambahan serta tertakluk kepada kelulusan TH
- Pakej Transit akan tinggal di Azizah terlebih dahulu (sebelum wukuf) dan masuk ke Mekah selepas wukuf

*Harga pakej haji di atas adalah termasuk Bayaran Haji. Jumlah sebenar Bayaran Haji bagi musim haji 1440H akan dimaklumkan oleh Tabung Haji dan akan didebitkan terus dari akaun bakal haji di Tabung Haji. Sebagai panduan, Bayaran Haji pada musim haji tahun 1439H adalah sebanyak RM10,400*
*Harga pakej tertakluk kepada perubahan dan pindaan akhir serta kadar tukaran matawang ringgit Malaysia*
*Semua pendaftaran adalah tertakluk kepada terma & syarat serta akujanji TMTT2019 dan Akta Pelancongan Jadual 4*

**PERKHIDMATAN TAMBAHAN (Selain yang disediakan oleh *TH* dan Muassasah)**

PENGANGKUTAN DALAM NEGERI ~ Disediakan atas permintaan (dikenakan bayaran tambahan.)

SAJIAN MAKANAN ~ Masakan Melayu (Buffet 3 kali sehari). Minuman panas dan sejuk disediakan 24 jam

PEMBIMBING ~ Bimbingan berterusan "tuition" dari guru agama berpengalaman sepanjang di Tanah Suci

KURSUS HAJI ~ kursus intensif & taklimat akhir oleh Pengurusan TMTT dan tokoh agama terkenal sebelum berlepas

UMRAH PERCUMA~ 4 kali Tana'im dan 1 Ja'aranah

Petugas/guru agama syarikat akan mengiringi dalam penerbangan ke Tanah Suci (tertakluk kepada kelulusan TH untuk petugas)

ZIARAH LUAR - Makkah & Madinah

Atas permintaan jemaah, TMTT menyediakan perkhidmatan khas muassasah (kos tanggungan jemaah) mengikut kos yang di tetapkan oleh Muassasah / Tabung Haji )

Bantuan perkhidmatan jemaah yang kurang upaya ( kos tanggungan jemaah)

Menguruskan khidmat badal Haji/Umrah /Korban/Dam/Khatam Quran & Aqiqah di Tanah Suci (Kos tanggunggan jemaah)

Membantu menguruskan kenderaan khas (limousine/GMC) Madinah / Mekah vv atas permintaan (Kos tanggungan Jemaah)

Sedia menguruskan khidmat dobi *door to door service (*dengan caj yang minima)

Sedia menguruskan jemaah yang ingin balik awal dengan penerbangan Carter / Komersial (kos tanggungan jemaah)

Bilik berasingan lelaki & perempuan bagi semua pakej kecuali pakej 2 orang sebilik

Perlindungan takaful berkelompok untuk jemaah haji yang berdaftar dengan TMTT untuk tahun 1440H

Makan malam dan meraikan ulangtahun kelahiran & perkahwinan untuk yang berkenaan serta penyampaian sijil haji

Membantu menguruskan hantaran bagasi ke Malaysia (kos tanggungan jemaah )

JH yang membuat bayaran dam/ korban / aqiqah / badal haji / khatam quran dibayar secara terus di Pejabat TMTT KL-HQ / BANGI / KBR / KCH layak mendapat ziarah PERCUMA ke Jeddah dan Pasar Borong Sawareh (tertakluk kepada kelulusan )

*****************************************************************************************

**PENGAKUAN PENDAFTARAN JEMAAH HAJI**

Saya bersetuju dan mengaku akan mematuhi syarat-syarat penyertaan Pakej Haji TM Tours seperti yang dinyatakan di dalam brosur ***TM Tours & Travel Sdn Bhd serta tidak akan menuntut kerugian atas perkara perkara berikut:--***

1) Saya faham bahawa penerimaan pendaftaran untuk menyertai perkhidmatan Pakej Haji **TM Tours** adalah tertakluk kepada Kuota Haji yang dikenakan oleh Kerajaan Arab Saudi, ke atas Negara Malaysia.
2) Saya bersetuju sekiranya saya menarik diri atau membatalkan penyertaan saya dari ***Pakej Haji TM Tours*** tanpa alasan munasabah, wang deposit saya tidak akan dipulangkan .
3) Wang deposit dikira sebagai sebahagian bayaran harga pakej sekiranya saya terpilih untuk menunaikan haji pada tahun berkenaan. Dan sekiranya tidak terpilih deposit akan dipulangkan.
4) Sekiranya berlaku kematian atau atas sebab-sebab yang dibenarkan oleh Tabung Haji, sejumlah wang deposit akan dikembalikan mengikut ketetapan Tabung Haji.
5) Sekiranya saya membatalkan pakej dengan ***TM Tours,*** saya tidak boleh membawa Kuota yang telah diperolehi melalui **TM TOURS** bersama saya ke PJH lain / Muassasah. Jika tidak terma dan syarat Para 2 terpakai secara automatik.
6) Saya bersetuju bahawa ***TM Tours*** berhak menawarkan perkhidmatan pakej haji lain jika pakej yang dikehendaki jemaah telah habis ditempah ( dengan tambahan kos)
7) Saya bersetuju untuk membayar segala perbelanjaan tambahan sekiranya saya sakit dan terpaksa menggunakan *stretcher* ketika penerbangan pergi/ balik.
8) Kenderaan yang tidak termasuk dalam perkhidmatan yang dijanjikan
9) Penerbangan balik awal atau balik lewat (selain dari yang ditetapkan)
10) Penerbangan atau kenderaan dalam negeri, jika perlu boleh di uruskan oleh TM Tours dengan tambahan kos
*11)* Jadual penerbangan dan bilangan hari di Tanah Suci ditentukan oleh pihak TH. (tiada refund bagi sebarang pertukaran tarikh dan bilangan hari)
12) Pertukaran hotel disebabkan pertukaran penerbangan oleh TH, TMTT tidak boleh dipersalahkan
13) Jemaah yang menukar jadual penerbangan pulang adalah tanggungan SENDIRI.
14) Tiada pulangan bayaran (refund) untuk semua perkhidmatan yang tidak digunakan sepanjang musim haji ini.
15) Penerbangan dalam negeri tidak termasuk dalam pakej haji ini. Untuk penerbangan domestik boleh uruskan oleh TMTT dan wakil TMTT.dengan tambahan kos
16) Ketiadaan bas dari Makkah-Arafah-Muzdalifah-Mina-Makkah. Ini adalah kelolaan Muassasah Tenggara Asia.
17) Ruang yang sempit di dalam khemah Arafah/Mina serta ketidakselesaan tandas di Mina dan Arafah adalah urusan Muassasah dan Kementerian Haji.
18) Jarak lokasi khemah di Mina ke Jamrah adalah tanggungjawab Muasasah dan Kementerian Haji.
19) Bayaran Dam/ aqiqah/ korban boleh disempurnakan oleh pihak TMTT ( harga akan ditentukan oleh pihak berkuasa atau TH)
20) Keselamatan wang ringgit, harta benda dalam atau luar tempat kediaman adalah tanggungjawab jemaah
21) Ketidakselesaan di bilik penginapan disebabkan bilik yang sempit / muatan ramai. (mengikut harga pakej)
22) Menyewa bilik / tempat di luar kediaman selain yang telah diperuntukan oleh TMTT
23) Upah tolak sewaktu tawaf dan saie dan upah melontar jamrah (tanggungan jemaah)
24) Tiada dijanjikan bilik berkat
25) Pembiayaan hospital swasta dan kos pengangkutan ke hospital. Jika ditemani petugas, tambang petugas adalah tanggungan / tanggungjawab jemaah/waris pesakit.
26) Ubat-ubatan yang dibeli dari farmasi
27) Jika beli makanan di luar, kos adalah tanggungan sendiri. Makanan yang disediakan adalah mengikut cita rasa dan selera Malaysia, tetapi tidak dapat memuaskan hati 100% jemaah yang datang dari pelbagai negeri.
28) Membayar sendiri kos ke tempat tempat lawatan yang telah diberikan oleh TMTT sekiranya tidak mengikut pada hari dan masa yang telah ditetapkan oleh pengurusan TMTT
29) Sekiranya tidak mengikut aturcara yang telah ditetapkan oleh TMTT, jemaah tidak boleh menuntut ganti dengan wang atau meminta pada hari lain.
30) Tidak boleh menukar atau berpindah bilik tanpa kebenaran bertulis dari TMTT. Ini kerana Tabung Haji perlu mengetahui no bilik setiap jemaah untuk kemudahan waris di Malaysia sekiranya ada kecemasan
31) Tidak boleh membawa masuk makanan ke bilik menggunakan peralatan caterer. Jika perlu bawa pinggan/gelas sendiri. Jaga kebersihan bilik.
32) Tidak boleh merokok dalam bilik.
33) Tidak boleh masuk ke bilik isteri atau suami. Jika perlu jumpa, hendaklah di luar,atau lobi.
34) Tidak boleh mengajak rakan-rakan/saudara menumpang di bilik
35) Tidak dibenarkan jemaah menumpang dibilik lain dari apa yang telah disediakan.
36) Sila pakai kad nama dan beg gantung TMTT sepanjang masa.
37) Jemaah dikehendaki memakai pengenalan TMTTdan lencana Tabung Haji sahaja
38) Mematuhi semua arahan TMTT dari masa ke semasa..
39) Tidak dibenarkan berulang alik ke Mekah semasa berada di Mina/Arafah. Jika terpaksa, wang tambang dan makan adalah tanggungjawab sendiri. TMTT dan Tabung Haji serta Muassasah tidak akan bertanggungjawab jika berlaku kehilangan, sesat atau kematian jemaah terbabit.
40) Sentiasa menghadiri taklimat dan kelas bimbingan agama dari masa ke semasa agar mengetahui perkembangan semasa / terbaharu.
41) Sekiranya berlaku sesat atau sebagainya, sila maklumkan nama syarikat TM Tours kepada petugas Tabung Haji. Nama Ketua rombongan ada di kad nama jemaah sendiri.
42) Jangan memburuk burukkan antara satu dengan lain. Juga jangan memburukkan TMTT. Ingat nawaitul kita nak mengerjakan haji dan mendapat haji yang mabrur.
43) Jemaah perlu hadir taklimat akhir yang akan diadakan oleh TMTT sebelum berangkat.
44) Mematuhi semua perkara di bawah bidang kuasa Tabung Haji ,Muasassah dan Kementerian Haji.
45) Menjaga disiplin diri masing2 dengan satu tujuan untuk mengerjakan haji bukan tujuan lain.
46) Sekiranya barangan melebihi muatan yang dibenarkan oleh pihak penerbangan bayaran tambahan yang dikenakan adalah tanggungan jemaah.
47) Sekiranya kurang berpuashati atas sesuatu perkara sila maklumkan terus kepda tenaga utama TMTT, Tuan Hj Ridzwan no tel. 019-2205107 atau Pn. Hjh. Naaimah no tel 019-3598088 dengan segera, atau petugas TMTT untuk penyelesaian terbaik
48) Bahawa saya bersetuju dan berjanji tidak akan mengambil apa jua jenis dakwaan, tindakan, tuntutan atau pampasan ganti rugi ke atas perkara yang berlaku seperti kelewatan, kehilangan, kebakaran atau apa jua jenis kesusahan, kesulitan, ketidakselesaan, termasuk perkara-perkara yang berlaku disebabkan bencana alam, banjir, ribut, gempa bumi, rusuhan, peperangan dan seumpamanya yang di alami dalam masa mengerjakan fardhu haji dan dalam perjalanan pergi dan balik sama ada melibatkan kecederaan tubuh badan atau harta benda

**Jemaah yang tidak melaporkan diri pada waktu dan tempat yang telah ditetapkan oleh Tabung Haji akan menanggung RISIKO SENDIRI (pihak syarikat tidak akan bertanggungjawab)**

**SEMUA JH YANG BERDAFTAR DENGAN PAKEJ TM TOURS (TMTT) TERTAKLUK KEPADA PENGAKUAN INI SECARA AUTOMATIK**

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah menerima dan membaca brosur Perkhidmatan Pakej Haji TM Tours & Travel Sdn Bhd dan memahami syarat – syarat dan kemudahan – kemudahan yang disediakan.

…………………………………………… Tarikh : ………………….

Cap Ibu Jari Kiri Jemaah Haji
Nama jemaah:

Dokumen – Dokumen lain yang diperlukan,

1. Salinan Kad Pengenalan,
2. Salinan Slip Daftar Haji
3. Bayaran pendahuluan RM1000 seorang yang akan dikira sebagai sebahagian dari harga pakej
4. 2 keping gambar berukuran pasport
5. Salinan muka depan Passport Antarabangsa (jika ada)

****Dengan persetujuan dan pendaftaran di atas, ini bermakna BJH telah terikat dengan terma dan syarat serta akujanji TMTT 2019/1440H*